

Hudud Pas tidak jamin keadilan — PM

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR dan SITI HATIJA YUSOF

Hudud Pas tidak jamin keadilan — PM

KUALA LUMPUR 16 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Pusat tidak mengiktiraf undang-undang mengenai hudud yang diluluskan oleh kerajaan Pas di Kelantan kerana ia tidak mencerminkan keadilan mengikut undang-undang Islam.

Perdana Menteri menegaskan, undang-undang yang digubal oleh Pas itu jelas akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan.

“Rang undang-undang hudud itu tidak berlandaskan kepada undang-undang Islam tetapi undang-undang hudud Pas. Kita tak dapat berikan pengiktirafan,” kata Dr. Mahathir kepada para pemberita selepas memperngusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini petang ini.

“Di dalam Islam ada disebutkan tentang betapa pentingnya keadilan dan betapa kezaliman tidak harus ada di dalam melaksanakan sebarang undang-undangnya.”

Kalau Pas hendak meluluskannya, tegas Dr. Mahathir, itu masalah mereka. Kerajaan Pusat tetap tidak akan menerimanya sebagai undang-undang Islam.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai tindakan Sultan Kelantan yang memperkenankan rang undang-undang tersebut, minggu lalu.

Ditanya adakah Kerajaan Pusat akan meminda perlembagaan bagi tujuan mewartakan rang undang-undang tersebut, Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, “kita tak iktiraf

■ Lihat muka 2

yang itu... tak ada soal perlembagaan terlibat.”

Menjawab satu soalan, beliau berkata, Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat datang berjumpa dengan beliau dan menyerahkan satu salinan rang undang-undang tersebut dan berbincang mengenainya.

“Saya telah terangkan pihak kita (Kerajaan Pusat) tidak boleh menerima apa yang digubal oleh Pas sebagai mencerminkan keadilan mengikut undang-undang Islam,” tegas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menegaskan, rang undang-undang hudud yang dibentuk oleh Pas itu sudah pasti akan menyebabkan ketidakadilan berlaku.

“Dalam Islam berkali-kali disebut tentang beta-

pa pentingnya keadilan dan betapa kezaliman tidak harus ada dalam pelaksanaan apa juga dalam Islam,” katanya.

Bulan lalu, Nik Aziz berkata, Kerajaan Pusat tidak ada hak untuk mengkaji undang-undang hukum hudud yang dibuat oleh Pas kerana ia adalah perkara agama di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Kata Menteri Besar Kelantan itu, sebaliknya Kerajaan Pusat boleh mengkaji Perlembagaan Persekutuan untuk diubah supaya undang-undang Islam termasuk hukum hudud boleh dilaksanakan bukan sahaja di Kelantan tetapi juga di negeri-negeri lain.

Tindakan Dewan Undangan Negeri Kelantan

meluluskan rang undang-undang tersebut Novem-ber lalu telah menimbulkan pelbagai kontroversi kerana ia dilaporkan boleh menggugat keutuhan Kerajaan Pusat kerana ia bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Kandungan Perlembagaan Persekutuan menetapkan dengan jelas ada perkara yang menjadi hak Persekutuan dan negara secara berasingan yang tidak boleh dilanggar sewenang-wenangnya.

Menurut Perkara 75 dalam Bahagian Enam Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyebut bahawa mana-mana undang-undang negeri yang berlawanan dengan peruntukan undang-undang

Persekutuan terbatal dengan sendirinya.

Peruntukan itu berbunyi: “Jika mana-mana undang-undang negeri adalah berlawanan dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan itu hendaklah dipakai dan undang-undang negeri itu hendaklah terbatal setakat mana ia berlawanan dengan undang-undang Persekutuan.”

Dengan kedudukan ini, undang-undang hudud yang hendak dilaksanakan oleh Pas itu bertentangan dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan dan ia tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat.